



Buletin Tunas Muda

UNTUK ANGGOTA SAHAJA

Lembaga Koperasi 2004/2005

Haji Rahim bin Osman
(Pengerusi)

Rosni binti Rashid
(Setiausaha)

Haji Zainol Abidin bin
Ahmad (Bendahari)

Dato' Haji Ahmad Radhi
bin Pachee,
DSPN., DJN., JSM., JP

Dato' Haji Ismail bin Din
DSPN, DJN, PPN., PJK

Dato' Sim Keng Ten DIMP

YB. Ir. Mansor bin Musa
PKT, PJK

Abdul Rahman bin Ariffin
PJK., PJM

Mohd. Nagib bin Ahmad

Haji Abu Bakar bin Mohamad

Haji Abd. Majid bin Makam
PJM

Hidzir bin Sulong

JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN

Haji Mohd. Noor bin Sirun

Haji Ahmad bin Razak

Hajjah Syarifah Chik binti
Syed Abdullah

Shafiqi bin Mat

Rahmad bin Zakaria

Abdul Rahim bin Abdul
Razak

DIVIDEN 15%

Koperasi Tunas Muda Sungai Ara Berhad telah berjaya mengeluarkan dividen sebanyak 15% selama tiga tahun berturut-turut (2001, 2002 dan 2003). Di samping dividen 15% bagi tahun 2003, Koperasi juga mengisyiharkan pemberian bonos syer sebanyak 10% bagi tahun 2003. Ini bererti anggota-anggota telah menikmati pemberian bonos syer selama tiga tahun berturut-turut iaitu semenjak tahun 2001, 2002 dan 2003.

HYPER-MARKET ATAS TANAH KOPERASI

Koperasi telah menandatangani perjanjian pajakan tanah dengan Dairy Farm Giant Retail Sdn. Bhd. pada 8 Julai, 2004 bertempat di Hotel Seri Malaysia, Bayan Baru, Pulau Pinang bagi membina sebuah hypermarket.



Pengerusi Koperasi Tunas Muda –
Tuan Haji Rahim Osman bertukar
dokumen perjanjian dengan Country
Manager, Dairy Farm Giant Retail – Mr.
John Coyle

Pajakan seluas 12.439 ekar di atas tapak PT 3707, Mukim 12, DBD, Pulau Pinang ini akan memberikan pulangan kepada Koperasi sebanyak RM1.5 juta setahun dan membuka peluang pekerjaan dan perniagaan kepada Anggota dan anak Anggota Koperasi.

Lokasi tapak terletak bersebelahan dengan Hospital Pantai Mutiara dan stesen minyak ESSO, Jalan Tengah.



HALANGAN SELESAI

Encik Masri bin Osman (2188) telahpun mematuhi keputusan Mesyuarat Agung Ke 32 yang lalu dengan memberi laluan kepada kerja-kerja penyambungan Jalan Tengah Baru yang telah tergenda sejak beberapa tahun yang lalu.

Premis No. 3447 Mk. 12, Jalan Tengah, Sungai Ara telahpun dirobohkan



MALANG TIDAK BERBAU

Bencana alam yang menimpa penduduk-penduduk kawasan Teluk Tempoyak pada 23 Ogos 2004 turut melibatkan salah seorang anggota Koperasi, Encik Mohd. Nor bin Darus (0378).

Premis Encik Mohd Nor bin Darus yang turut musnah



JAWATANKUASA KERJA (EXCO) 2004 / 2005

- | | |
|--|---|
| 1. Tuan Haji Rahim bin Osman (Pengerusi)
2. Tuan Haji Zainol Abidin bin Ahmad
3. Puan Rosni binti Rashid | 4. Tuan Haji Abu Bakar bin Mohamad
5. g. Dato' SiM Y keng Ten |
|--|---|

JAWATANKUASA KECIL 2004/2005

JAWATANKUASA KECIL TENDER

1. YBhg. Dato' Hj. Ahmad Radhi bin Pachee (Pengerusi)
2. Tuan Haji Zainol Abidin bin Ahmad
3. Encik Abdul Rahman bin Ariffin

JAWATANKUASA KECIL SEBUTHARGA

1. Tuan Haji Rahim bin Osman (Pengerusi)
2. n Haji Zainol Abidin bin Ahmad Tua
3. n Rosni binti Rashid

JAWATANKUASA KECIL PERUMAHAN ANGGOTA

1. Tuan Haji Rahim bin Osman (Pengerusi)
2. Encik Hidzir bin Sulong
3. Tuan Haji Othman bin Ismail
4. Encik Ali bin Yusoff
5. Encik Ami Omar bin Mohamad
6. Encik Yong Chin Foo

JAWATANKUASA KECIL PINDAAN UNDANG-UNDANG KECIL

1. YBhg. Dato' Hj. Ahmad Radhi b. Pachee (Pengerusi)
2. YBhg. Dato' Haji Ismail bin Din
3. YB. Ir. Mansor bin Musa

JAWATANKUASA KECIL KAWALAN BANGUNAN DAN PENGUSAHA DI ATAS TANAH KTMSAB

1. Puan Rosni binti Rashid (Pengerusi)
2. Encik Mohd. Nagib bin Ahmad
3. Tuan Haji Abo Bakar bin Mohamad Yusop
4. Tuan Haji Abd. Aziz bin Yahaya
5. Tuan Haji Md. Daud bin Saod
6. Encik Ibrahim bin Mat Diah

JAWATANKUASA KECIL PENINGKATAN PERKHIDMATAN KEPADA ANGGOTA

1. Tuan Haji Abd. Majid bin Makam (Pengerusi)
2. Encik Abdul Rahman bin Ariffin
3. n Haji Wahab b~~T~~nor
4. Tuan Haji Masri bin Yusoff
5. Encik Choo Choon Huah
6. Encik Sivananthan Pillay a/l Palani

JAWATANKUASA KECIL HUTANG PIUTANG

1. Tuan Haji Zainol Abidin bin Ahmad (Pengerusi)
2. YB. Ir. Mansor bin Musa
3. Encik Mohamad Noor bin Ishak
4. Encik Mohd. Razib bin Arshad
5. Puan Che Sayang binti Mustakim
6. Encik Goh Chin Huat

JAWATANKUASA KECIL KEBAJIKAN WANITA

1. Puan Rosni binti Rashid (Pengerusi)
2. Puan Siti Maryam binti Hashim
3. Puan Pauziah binti Ismail
4. Puan Tong Ah Noy @ Tong Guat Kooi
5. Puan Hayati binti Dato' Ismail
6. Puan Hajah Fatimah binti Din



KUMPULAN WANG BIASISWA & DERMASISWA DATO' HAJI ISMAIL HASHIM

Kumpulan Wang ini menyediakan kemudahan seperti berikut:-

- | | |
|--|-------------------------------------|
| ■ RM2,000.00 setahun peringkat ijazah | ■ Dermasiswa bernilai RM400.00. |
| ■ RM1,500.00 setahun peringkat diploma | dikenakan sekali gus secara percuma |

Anggota-anggota boleh memilih salah satu daripada peluang kemudahan yang disediakan oleh Kumpulan Wang ini dengan syarat-syarat:-

1. Pelajar mengikuti pengajian sepenuh masa;
2. Umur pelajar bagi anak anggota tidak melebihi 25 tahun dan bagi anggota-anggota sendiri hendaklah berusia tidak melebihi 45 tahun pada tahun biasiswa atau dermasiswa dikeluarkan;
3. Belum pernah diterima masuk bagi melanjutkan pengajian tinggi sepenuh masa oleh mana-mana institusi

Anggota atau anak anggota Koperasi Tunas Muda yang ingin melanjutkan pengajian tinggi ke peringkat Diploma atau Ijazah di mana-mana institusi pengajian tinggi yang diiktiraf oleh Lembaga Akreditasi Negara boleh lagi mengemukakan permohonan kepada Koperasi untuk mendapatkan kemudahan daripada Kumpulan Wang yang tersebut di atas. Sila hubungi pejabat Koperasi di Kaunter Khidmat Anggota untuk penerangan selanjutnya.

TAMBAHAN MODAL SYER

Undang-Undang Kecil :

- 53 (1) Bagi maksud perenggan 50(b) Akta setiap anggota hendaklah melanggan lima ratus ringgit syer sebagai sumbangan minimum yang hendaklah dijelaskan dalam tempoh dua belas bulan dan tidak boleh dikeluarkan kecuali selepas keanggotaan anggota itu tamat.
- 53 (3) Pemilikan syer seseorang anggota dalam modal Koperasi ini menurut seksyen 33 Akta, tidak boleh melebihi satu perlama daripada jumlahnya pada bila-bila masa.

Anggota digalakkan untuk menambah modal syer masing-masing.

MATI BELUM BERGANTI!!!

Mengikut rekod Koperasi masih terdapat seramai 40 orang anggota yang telah meninggal dunia yang belum diganti.

Waris-waris diminta mengambil tindakan segera untuk menyelesaikan masalah ini.

Ketua Pengarang	Pengarang	Grafik
Haji Rosdi bin Abd.Aziz	Mazalan bin Nan Che Maimunah binti Kassim	Mohamad Helmi bin Rashid
Pemberita		Jurugambar
Roslinda binti Abdullah	Rosidi bin Zain	Azhar bin Ariffin
Mohamad Noh bin Hashim	Siti Roziah MBurhanudin	
Percitakan / Pengedaran	Norsidah binti Jaafar	

Sidang Pengarang



PROJEK DI SUNGAI TIRAM

Pembangunan di Sungai Tiram Fasa I akan mula dijalankan pada awal tahun 2005. Pembinaan kediaman berjumlah 660 unit yang terdiri daripada 164 unit Rumah Teres 2 Tingkat, 156 unit Rumah Pangsa Kos Rendah, 340 unit Rumah Pangsa Kos Sederhana. Pembinaan Komersil berjumlah 30 unit terdiri daripada 14 unit Rumah Kedai dan 16 unit Kedai Pejabat.



Gambaran Artis : *Pembangunan Projek Sungai Tiram.*

Fasa Pertama melibatkan pembinaan Rumah Teres 2 Tingkat dan Rumah Pangsa Kos Rendah 5 Tingkat. Sebuah surau akan didirikan berhampiran dengan Rumah Pangsa Kos Rendah. Kerja pembinaan dijangka akan dijalankan pada April, 2005.

Fasa kedua projek ini melibatkan pembinaan Pangsapuri Kos Sederhana 12 Tingkat, Tapak Penjaja dan sebuah Dewan Serbaguna

Fasa ketiga akan melibatkan pembinaan 16 unit Kedai Pejabat 2 Tingkat dan 14 unit Rumah Kedai 2 Tingkat.



Cadangan pembangunan ini melibatkan pembinaan 352 unit Rumah Pangsa Kos Sederhana berukuran 750 kaki persegi seunit. Sebanyak 176 unit akan ditawarkan kepada 88 anggota sebagai Peruntukan Anggota.

Projek ini dijangka akan dibina pada pertengahan tahun 2005.

Projek Relau / Pagar Buloh Fasa 1B

Infomasi Perumahan Kos Rendah

Syarat Kelayakan Membeli Rumah Kos Rendah

1. Warganegara Malaysia.
2. Bermastautin di negeri Pulau Pinang.
3. Berumur 21 tahun ke atas pada tarikh memohon.
4. Pendapatan keluarga tidak melebihi RM1,500.00 sebulan.
5. Pemohon (suami/isteri) belum memiliki rumah.

Maklumat lanjut dan borang boleh diperolehi di **Kaunter Perumahan, Tingkat 3, Bangunan KOMTAR, Pulau Pinang**. Sebarang pertanyaan, boleh dihubungi melalui telefon No. **04-2621957** sambungan **5373**



SUDUT KESIHATAN

Penawar Resdung

Cara yang paling mudah dan berkesan ialah dengan mengamalkan menyedut air ke dalam hidung (iaitu perkara sunat dalam berwuduk). Kemudian picit sebelah hidung dan hembuskan. Buatlah berulang kali sehingga selesai kedua-duanya.



Kemudian basuh muka supaya bersih. Lakukannya setiap kali setelah sampai ke satu-satu destinasi, baik ke pejabat, beriadah atau pulang ke rumah atau ke mana sahaja. Kesannya sungguh menakjubkan.



DI MANA PAPAN TANDA DILETAK, DI SITU SAMPAH DIBUANG.



INGIN kembangkan perniagaan?

Iklankan perusahaan anda melalui surat atau e-mail kepada::-

Editor Buletin Tunas Muda
No.17, Pesara Mahsuri Mahsuri 5,
Sungai Nibong Kechil,
11900 Bayan Lepas, P.Pinang.
Tel: 04 6438515
Faks: 04 6437507
Email: tunasmda@tm.net.my



Menghilangkan Cagu

Perahkan sedikit limau kepada kuku yang mencengkam pada daging (cagu). Biarkan selama beberapa minit. Jika boleh, potonglah kuku yang termasuk dalam daging tersebut. Lakukan 2 kali sehari dengan menitikkan air limau pada cagu. Anda boleh juga menggunakan campuran inai dan garam digiling/kisar sehingga halus. Tampalkan pada cagu tersebut. Cagu akan beransur pulih.

Menghilangkan Bau Badan

Potongkan limau kasturi dan buang bijinya. Kemudian makanlah kulit limau kasturi bersama airnya. Amalkan selalu. Tidak digalakkan kepada mereka yang berpenyakit gastrik.



SUDUT INSURAN

Semua anggota yang berumur bawah 65 tahun yang mendapat rawatan penghospitalan adalah dilindungi oleh skim insuran Takaful Kelompok tertakluk kepada had tanggungan perlindungan.

Bagi anggota yang berusia 65 tahun ke atas akan mendapat perlindungan yang sama di bawah tanggungan Koperasi.

Sekiranya anggota berminat untuk mendapatkan perlindungan bagi keluarga mereka, maka bayaran premium tahunan yang perlu dibayar oleh anggota kepada pihak Takaful ialah seperti berikut:-

Anggota & pasangan	- RM289.00 setahun
Anggota & *anak	- RM361.00 setahun
Anggota, pasangan & anak	- RM519.00 setahun

Nota:

***Anak :**

Masih belajar : Had umur sehingga 21 tahun

Bukan Pelajar : Had umur sehingga 18 tahun

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Puan Arizan binti Ahmad, Tel. No.04 6438515.

AKTIVITI WANITA

KRAFTANGAN

Aktiviti ini terbuka kepada semua anggota dan keluarga anggota yang berminat.

Hayatilah keindahan seni mencipta bunga daripada sabun, daun getah dan lain-lain bahan yang sesuai termasuk gubahan bunga untuk hantaran.

Ikutilah kelas gubahan yang dijadualkan pada setiap hari Rabu jam 3.00 hingga 5.00 petang bertempat di Balai Raya Sungai Ara. Datanglah beramai-ramai.



Sila kemaskini alamat surat menyurat tuan/puan sekiranya ada perubahan dan hantarkan kepada Koperasi:

POTONG DAN KEMUKAKAN KEPADA KOPERASI:

 Kepada:
Setiausaha,
Koperasi Tunas Muda Sg. Ara Berhad
No. 17, Pesara Mahsuri 5,
Sungai Nibong Kechil,
11900 Bayan Lepas,
Pulau Pinang.

MAKLUMAT PERTUKARAN ALAMAT

Pertukaran alamat surat menyurat saya adalah seperti berikut:-

Nama: No.Anggota:

No.Kad Pengenalan No.Telefon:

Alamat Baru:

.....
Tandatangan: Tarikh:



Jika tidak sampai, kembalikan kepada:

KOPERASI TUNAS MUDA SUNGAI ARA BERHAD
NO. 126, JALAN DATO' ISMAIL HASHIM,
TAMAN TUNAS MUDA, SUNGAI ARA,
11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG.
Tel: 04-6438515 Fax No: 04-6437507

